



MDBG

**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,
31000 BATU GAJAH.**

SYARAT-SYARAT PREMIS HOTEL/RUMAH TUMPANGAN/PENGINAPAN

Syarat-syarat/JP-MDBG/Hotel	No. Telefon	05-3632020-3632030
	No. Fax	05-3665930
	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Bilik Hotel

- i) Tiap-tiap bilik hendaklah disediakan tanda arah kiblat di siling dengan bentuk 'anak panah'.
- ii) Pintu bilik mandi hendaklah dipasang menghala ke dalam bilik mandi supaya air terpercik ke pintu akan jatuh dan mengalir ke dalam bilik mandi.
- iii) Menyediakan tempat letak kaki di dinding yang dinaikkan setinggi lebih kurang 450mm dari aras lantai untuk membolehkan pengguna meletakkan kaki mereka untuk membersihkannya tanpa membongkok.
- iv) Pengusaha hotel adalah digalakkan untuk menyediakan bidet. Bagi tandas yang tidak mempunyai bidet hendaklah disediakan paip air. Paip air ini hendaklah diletakkan di sebelah kanan mangkuk tandas.

2. Tandas Awam Hotel

- i) Menyediakan paip air dan tempat berwuduk bagi memudahkan tetamu beragama Islam mengambil wuduk.
 - ii) Bilik mandi, tandas dan tempat buang air kecil hendaklah dibersihkan setiap masa. Dinding-dinding dan lantai hendaklah selalu digosok dan dijirus dengan air.
3. Hendaklah menyediakan sebuah peti pertolongan cemas dengan bahan-bahan perubatan yang lengkap.
 4. Pengusaha mesti menjaga dan menyenggara premisnya supaya sentiasa dalam keadaan bersih.
 5. Tong sampah (berukuran 3 kaki padu) dari bahan yang tidak telap air dan bertutup rapat hendaklah disediakan bagi mengumpul sampah. Sila gunakan karung plastik. Tong sampah hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah diservis oleh pekerja MDBG mengikut jadual yang ditetapkan.
 6. Pengusaha mesti menyediakan kemudahan tandas dan basin membasuh tangan yang dilengkapi dengan sabun/*soap dispenser*. Tandas hendaklah sentiasa dibersihkan dan diselenggara dalam keadaan baik dan tidak berbau.

7. Pengusaha hendaklah menyediakan buku daftar dan memastikan maklumat penginap diisi dengan lengkap.
8. Premis hendaklah digunakan untuk tujuan penginapan sahaja. Kegiatan penyalahgunaan premis seperti pelacuran, perjudian, penagihan dadah dan aktiviti tidak bermoral yang lain adalah dilarang.
9. Pengusaha hendaklah memastikan bahawa pelanggan-pelanggan yang menginap di premis hotel/rumah tumpangan tidak menjalankan/menimbulkan/mewujudkan aktiviti yang bercanggah/dilarang seperti :-
 - 9.1.1. Melakukan aktiviti berunsurkan pelacuran/maksiat di dalam bilik hotel.
 - 9.1.2. Membawa minuman keras dan memabukkan atau melakukan perbuatan yang tidak senonoh di dalam bilik hotel.
 - 9.1.3. Menganjurkan apa-apa jenis hiburan di dalam bilik hotel.
 - 9.1.4. Mengadakan apa-apa mesyuarat atau perhimpunan berbentuk politik di dalam bilik hotel tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.
 - 9.1.5. Menimbulkan masalah kacau ganggu yang boleh mengganggu ketenteraman dan keselesaan pelanggan/penghuni lain.
 - 9.1.6. Menjual barangan yang boleh menggugat sensitiviti masyarakat Malaysia.
10. Pengusaha dan pembantu mesti mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDBG dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh beliau dari masa ke semasa sama ada bertulis atau lisan.
11. Pengusaha diwajibkan mendaftarkan premis penginapan dengan **KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA**.
12. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas boleh menyebabkan lesen anda digantung, dibatalkan atau tidak diperbaharui.
13. Lesen ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.

ARAHAN :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**